



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**20 Mac 2024
09 Ramadan 1445H**

Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• 4 kes tuba ikan, renjatan elektrik di Negeri sembilan
Kosmo	• 350,400 benih udang galah dilepaskan
Sinar Harian	• 300,000 benih udang galah dilepas
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	• JPNS sounds warning on using poison to fish during dry season
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Awani	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN.	POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			

300,000 benih udang galah dilepas

SH, M625

SEREMBAN - Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) melepaskan 300,000 benih udang galah ke tujuh sungai di negeri itu pada Selasa.

Sungai berkenaan, antaranya ialah Sungai Triang di Jelebu, Sungai Rembau (Rembau), Sungai Muar (Kuala Pilah) dan Pengkalan Kempas (Port Dickson).

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, ia merupakan program tahunan JPNS bagi memastikan stok perikanan darat sentiasa mencukupi.

Menurutnya, pertambahan stok ikan di perairan umum merupakan program tahunan jabatan itu sebagai satu langkah memastikan stok ikan darat sentiasa mencukupi.

"Program pelepasan benih udang galah ini dapat memberi kesedaran kepada orang awam terhadap kepentingan memulihara ekosistem perikanan darat untuk generasi akan datang.

"Justeru, penting bagi JPNS mengambil langkah yang konsisten dalam pengurusan dan pemuliharaan sumber perikanan darat kerana secara tidak langsung ia dapat meningkatkan sosio-ekonomi nelayan tempatan," katanya dalam satu kenyataan.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL			20-3-2024

4 kes tuba ikan, renjatan elektrik di Negeri Sembilan



Port Dickson: Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) mengesan empat laporan membabitkan aktiviti menuba dan menggunakan renjatan elektrik untuk menangkap ikan tahun ini.

Timbalan Pengarah JPNS Doreen Wee berkata empat kes berkenaan berlaku di Sungai Linggi dan Sungai Triang, Jelebu.

"Kita menerima aduan daripada nelayan, menuba ini bermaksud mereka meracun sungai tersebut sehingga udang 'mabuk' serta menyebabkan ikan mati.

"Saya difahamkan kegiatan ini (berlaku) pada jam 3 hingga 4 pagi, jadi usaha untuk mengesan pelaku amat sukar," katanya kepada pemberita pada Program Pelepasan Benih Udang Galah di Sungai Linggi di Pengkalan Kempas di sini hari ini. Bukan sahaja merosakkan ekosistem hidupan air malah katanya memakan hasil tangkapan seperti udang dan ikan daripada aktiviti itu boleh menjejaskan kesihatan.

Menurut Wee, kebiasaannya individu tidak bertanggungjawab melakukan kegiatan itu pada musim panas bagi mendapatkan hasil yang banyak.

Sementara itu, pada program hari ini JPNS negeri melepaskan anggaran 350,400 ekor benih udang galah di tujuh lokasi perairan umum di seluruh negeri ini.

Wee berkata benih udang galah itu disumbangkan oleh Pusat Pembenihan Udang Galah (PPUG), Kampung Acheh, Perak yang dapat memberi manfaat kepada golongan nelayan darat dan pemancing rekreasi.

"Kira-kira 50,000 ekor benih udang galah dilepaskan di setiap daerah, kita jangka selepas lima hingga enam bulan benih udang galah akan membesar dan boleh diperolehi hasilnya," katanya.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI	/		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	/	-	20.3.2024

JPNS SOUNDS WARNING ON USING POISON TO FISH DURING DRY SEASON



PORT DICKSON, March 19 (Bernama) – The Negeri Sembilan Fisheries Department (JPNS) has issued a stern warning to the public against using illegal methods such as poisoning and electric shock to catch fish and prawns in public waters.

Its deputy director, Doreen Wee Siew Leen, expressed concern over the irresponsible actions typically observed during the dry season, where individuals resort to such methods for bigger catch.

She said that JPNS has received reports of four cases of poisoning in the Sungai Linggi area and instances of electric shock fishing in Sungai Triang, Jelebu.

"We have received complaints from fishermen on the poisoning of rivers to paralyse prawns and kill fish.

"I understand these activities occur between 3 am to 4 am, making it challenging to apprehend the perpetrators," she told reporters during a Giant Freshwater Prawn Release Programme at Sungai Linggi in Pengkalan Kempas today.

According to her, poisoning or electric shock fishing not only damages the aquatic ecosystem but also poses health risks if consumed.

During today's programme, the state Department of Fisheries released an estimated 350,400 freshwater prawn seeds at seven locations in public waters, covering all districts in the state.

Doreen said these prawn seeds, donated by the Giant Freshwater Prawn Breeding Centre (PPUG) in Kampung Acheh, Perak, would benefit both land-based fishermen and recreational anglers.

"Approximately 50,000 prawn seeds are released in each district. We anticipate that after five to six months, these prawn seeds will mature and yield a harvest," she explained.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL			18	20.3.2024

350,400 benih udang galah dilepaskan

PORT DICKSON – Sebanyak 350,400 ekor benih udang galah dilepaskan di tujuh lokasi perairan umum di negeri ini semalam.

Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Doreen Wee Siew Leen berkata, benih udang galah sumbangan Pusat Pembenihan Udang Galah, Kampung Acheh, Perak itu telah dilepaskan di sungai-sungai di tujuh daerah yang mempunyai taburan udang galah.

Menurutnya, ia termasuklah di Sungai Linggi di kawasan Pengkalan Kempas yang terkenal sebagai lubuk 'sepit biru' itu.

"Program pelepasan benih udang galah ini akan memberi manfaat kepada nelayan darat dan pemancing-pemancing.

"Hari ini setiap daerah kami lepaskan kira-kira 50,000 ekor benih udang galah. Selepas lima hingga enam bulan, udang galah akan membesar dan boleh diperolehi hasil," katanya di Sungai Linggi di Pengkalan Kempas, di sini semalam.

Tahun lalu sebanyak 123,921 ekor benih ikan air tawar seperti kelah, lampam sungai, baung serta udang galah telah dilepaskan ke 19 lokasi di seluruh negeri ini.



AHLI Dewan Undangan Negeri Linggi, Datuk Mohd. Faizal Ramli (kanan) dan Siew Leen melepaskan benih udang galah di Sungai Linggi, Port Dickson semalam.